



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

TARIKH: 29 Disember 2023

KEPADA: PEMILIK PROJEK DAN SYARIKAT KONTRAKTOR KERJA-KERJA PEMBANGUNAN / TEBUS GUNA TANAH DALAM HAD PELABUHAN PULAU PINANG, SYARIKAT PERUNDING *MARINE RISK ASSESSMENT* (MRA)

PEKELILING PELABUHAN NO.1/2024

SYARAT-SYARAT DAN KEPERLUAN SPPP BAGI PERLAKSANAAN KERJA-KERJA TEBUS GUNA TANAH DALAM HAD PELABUHAN PULAU PINANG

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan syarat-syarat dan keperluan oleh SPPP bagi pihak pemilik projek/ kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja tebus guna tanah dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang.
2. Pekeliling ini juga perlu dijadikan rujukan bagi syarikat perunding *Marine Risk Assessment* (MRA) yang diiktiraf oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) dalam menyediakan Laporan Kajian MRA bagi sebarang kerja-kerja tebus guna tanah dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang.
3. Berikut adalah syarat dan keperluan SPPP bagi pelaksanaan aktiviti tersebut:

3.1 KEPERLUAN PEMATUHAN AKTA SPPP 1955

1. *Section 70B. (1) PPC Act 1955 – Compulsory Pilotage;*
2. *Section 59. (c) PPC Act 1955 – Control of movement of all vessels;*
3. *Section 60(1) PPC Act 1955 – Construction within the port;*
4. *Section 60(2) PPC Act 1955 – Control of the use of the Foreshores;*
5. *Section 61.(1) PPC Act 1955 - Port Conveyance Permits;*
6. *Penang Port Commission (Penang Port) (Scale of Rates) By-Laws 2021*

3.2 KESELAMATAN PELAYARAN

- i. Adalah menjadi keutamaan kepada SPPP untuk memastikan laluan trafik perkapalan yang beroperasi di had Pelabuhan Pulau Pinang (*Port Limit*) ataupun Kawasan Pemaliman Wajib (*Compulsory Pilotage District*) termasuk Alur Pelayaran Utara (*North Channel*) dan Selat Selatan (*South Channel*) selamat dan tidak mengganggu operasi pelabuhan;
- ii. Kapal/ barge/ bot tunda/ *sand mining machinery* perlu dilengkapi AIS (*Automatic Identification System*) yang diaktifkan sepanjang masa untuk tujuan pemantauan sepanjang beroperasi dalam Had Pelabuhan Pulau Pinang;
- iii. Kapal/ barge/ bot tunda/ *sand mining machinery* yang melebihi 600GT perlu menggunakan khidmat malim pelabuhan;

- iv. Sijil Pengecualian Pemaliman (*Pilotage Exemption Certificate*) boleh dimohon berdasarkan SOP oleh SPPP. Rujuk laman web SPPP untuk maklumat lanjut;
- v. Kapal/ barge/ bot tunda/ *sand mining machinery* perlu melaporkan ketibaan ke Pusat Kawalan Trafik (*Port Control Tower*) di VHF Channel 12;
- vi. Bagi projek berskala besar dan mengambil tempoh yang panjang (contohnya projek penambakan yang akan mengakibatkan pertambahan trafik perkapalan), Penggerak Projek diminta untuk menyediakan seperti berikut :-
 - a) menyediakan pusat kawalan komunikasi dan trafik yang beroperasi 24 jam meliputi kawasan projek berkenaan. Pusat kawalan ini hendaklah diuruskan oleh kakitangan yang mahir dalam mengendalikan alat komunikasi kapal dan mempunyai asas dalam perkapalan;
 - b) menyatakan jumlah, saiz & jenis kapal/ barge/ bot tunda yang akan digunakan, serta kawasan laluan operasi projek;
 - c) menyatakan sekiranya terdapat kawasan '*lay-up*' bagi kapal/ barge/ bot tunda jika ada;
 - d) laluan trafik perkapalan '*Navigational Route*' bagi kapal/ barge/ bot tunda yang akan terlibat dalam projek, serta laluan nelayan perlu dinyatakan secara jelas bagi memudahkan koordinasi trafik dikawasan tersebut. Pihak SPPP perlu dimaklumkan segera sekiranya ada pindaan terhadap *navigational route* berkenaan;
 - e) penggunaan sistem DDMS (*Dredging and Dumping Monitoring System*) adalah wajib kepada *Vessel Split Hopper Barger* yang boleh diakses oleh SPPP;
 - f) Pihak penggerak projek/ konsultan diminta untuk menyatakan hasil laporan '*hydraulic study*', khususnya '*sedimentation transport*' di kawasan cadangan projek;
 - g) Pihak penggerak projek perlu melaksanakan '*baseline hydrography survey*' bagi mendapatkan status kedalaman semasa dikawasan berkenaan sebelum projek dilaksanakan. Salinan laporan tersebut perlu dimajukan kepada SPPP;
 - h) Pihak Penggerak projek perlu melaksanakan '*monitoring hydrography survey*' dikawasan projek setiap 6 bulan. Laporan *survey* berserta analisis perlu dimajukan kepada SPPP;
 - i) Sekiranya didapati berlaku pengurangan kedalaman berdasarkan '*baseline hydrography survey*', maka pihak Penggerak Projek perlu melaksanakan '*maintenance dredging*' di kawasan berkenaan bagi mengembalikan kedalaman asal;

- j) *Action Plan/ Emergency Response Plan (ERP)* yang disediakan oleh penggerak projek berkaitan langkah-langkah untuk melawan/ mengurangkan risiko pencemaran serta bencana di kawasan projek perlu dimajukan kepada SPPP bagi tujuan koordinasi tindakan dalam menghadapi bencana/ kecemasan;
- k) Lokasi *floating pontoon & distribution pipe* serta *silt curtain* perlu ditandakan dengan jelas berdasarkan spesifikasi *markers/ buoys/ lights* yang ditentukan oleh pihak JLM;
- l) Salinan kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap *dredging disposal area* serta *movement route* bagi tujuan tersebut perlu diberikan kepada SPPP.

3.3 KEPERLUAN MELANTIK EJEN PERKAPALAN BERDAFTAR DAN PENGENAAN TARIF PELABUHAN

- i. Kontraktor perlu melantik ejen perkapalan yang berdaftar dengan Pelabuhan Pulau Pinang bagi menguruskan pergerakan keluar/ masuk kapal;
- ii. Ejen yang dilantik perlu menguruskan semua urusan '*clearance*' yang berkaitan dengan OGA (Pihak Berkuasa / Agensi Kerajaan) seperti JLM (Jabatan Laut Malaysia), JAS (Jabatan Alam Sekitar), SPPP, Kerajaan Negeri dan sebagainya sebelum kerja dimulakan;
- iii. Operasi adalah tertakluk kepada pengenaan tarif pelabuhan yang boleh dikenakan. Rujuk website SPPP dan Penang Port Sdn Bhd (PPSB) untuk maklumat tarif semasa.


3.4 PENGEMUKAAN DOKUMEN MRA

- i. Sesalinan dokumen MRA perlu dimajukan kepada SPPP dalam bentuk *hard-copy*;
 - ii. Setiap perubahan / pindaan kepada data didalam dokumen MRA juga perlu dibuat dalam bentuk *hard-copy* dan dimajukan kepada SPPP;
4. Pekeliling ini akan berkuatkuasa bermula 1 Januari 2024. Sebarang pertanyaan berkenaan pekeliling ini bolehlah berhubung dengan pegawai SPPP melalui emel zulkeffli@penangport.gov.my / syafiq@penangport.gov.my.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah



(DR. VIJAYANDIARAN A/L R.VISWALINGAM)

Pengurus Besar

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang